

**TATACARA PERMOHONAN MAKLUMAT BAGI TUJUAN
KAJI SELIDIK/TEMU BUAL/KAJIAN
DI JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI**

I. KRITERIA PERMOHONAN

Kertas rancangan penyelidikan (*research proposal*) yang dimohon mestilah memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Penyelidikan yang dimohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea / teori / konsep / kaedah / model / proses baharu;
- ii. Penyelidikan yang akan dapat menambah baik sesuatu dasar dan pelaksanaan; dan
- iii. Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan dan pengurusan bidang teras JAWHAR terutamanya zakat, wakaf haji dan umrah.

II. INTEGRITI DAN ETIKA KAJI SELIDIK/TEMUBUAL/KAJIAN

- a) **Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut:**
 - i. Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
 - ii. Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan; dan
 - iii. Kajian rintis dibuat bagi membentuk kajian sebenar yang sah dan bolehpercayaan.

b) Salah laku dalam penyelidikan yang perlu dielakkan adalah seperti berikut:

- i. Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuaiian dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
- ii. Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan;
- iii. Membuat kenyataan yang keterlaluan dan mengetepikan laporan kajian terdahulu;
- iv. Menyalahgunakan data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif;
- v. Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan.

III. TATACARA PERMOHONAN

- i. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti yang disenaraikan di jadual Senarai Semak Permohonan untuk pertimbangan mendapatkan maklumat bagi tujuan melaksanakan kaji selidik/temu bual/kajian di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- ii. Pemohon perlu mengemukakan sesalinan disertasi/tesis/laporan kajian kepada JAWHAR sebaik sahaja kajian selesai dilaksanakan bagi tujuan rekod dan simpanan rujukan JAWHAR.
- iii. Pihak JAWHAR tidak akan menyediakan sebarang bentuk pembiayaan sokongan penyediaan maklumat bagi tujuan kaji selidik/temu bual/kajian oleh pemohon.
- iv. Pihak JAWHAR berhak menolak sebarang permohonan maklumat bagi tujuan melaksanakan kaji selidik/temu bual/kajian dan membatalkan kebenaran yang telah diberikan sekiranya didapati bercanggah/melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan permohonan.

- v. **Bagi penyelidik yang berdomisil di luar negara**, sila rujuk syarat permohonan menjalankan penyelidikan di Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi, iaitu di pautan berikut-

<https://ekonomi.gov.my/ms/sumber/garis-panduan-dan-peraturan/menjalankan-penyelidikan-di-malaysia>

IV. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/)
1.	<p>Surat Permohonan Rasmi pemohon kepada Ketua Pengarah JAWHAR.</p> <p>Surat perlu mengandungi maklumat pemohon dan ahli pasukan penyelidik (jika berkaitan) seperti berikut:</p> <p>(a) Nama penuh penyelidik</p> <p>(b) E-mel</p> <p>(c) Nombor telefon</p> <p>(d) Nama organisasi bekerja/pusat pengajian:</p> <p>(e) Nama penyelia kajian</p> <p>(f) Gambar saiz pasport penyelidik</p> <p>(g) Surat sokongan dan pengesahan menjalankan kajian daripada penyelia universiti/kolej</p>	<p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p>
2.	<p>Kertas Cadangan Kajian (<i>Research Proposal</i>) yang mengandungi perkara berikut:</p> <p>(a) Tajuk;</p> <p>(b) Objektif;</p> <p>(c) Kenyataan masalah/jurang</p> <p>(d) Metodologi dan Instrumen Kajian;</p> <p>(e) Definisi Konsep Kajian;</p> <p>(f) Lokasi Kajian;</p> <p>(g) Sampel Kajian;</p> <p>(h) Jadual Perancangan Kajian (<i>Gantt Chart</i>);</p> <p>(i) Tempoh Kajian.</p>	<p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p> <p>()</p>

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/)
3.	Borang Kaji Selidik/ soalan temu bual/ dokumen yang berkaitan	()
4.	Kriteria Responden - Sila perincikan kriteria responden yang diperlukan dari JAWHAR bagi sesi kaji selidik/temu bual/kajian bagi memudahkan pihak JAWHAR mengenal pasti pegawai yang sesuai untuk memberi respon	()
5.	Mengemukakan salinan surat kelulusan menjalankan penyelidikan daripada Kementerian Ekonomi (sekiranya berkaitan)	()
6.	Sila nyatakan sekiranya kaji selidik/temu bual/kajian ini turut melibatkan respon pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sekiranya ada, sila sertakan maklumat pegawai responden: (a) Nama pegawai MAIN (b) E-mel (c) Nombor telefon (d) Nama organisasi	Ada / Tiada

V. Maklumat pegawai untuk dihubungi bagi sebarang pertanyaan lanjut:

Pejabat Am JAWHAR

Tel: 03-8883 7406

E-mel: pejabatam@jawhar.gov.my